

BAHASA MELAYU
Kertas 2

2 ½ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
(CAWANGAN PULAU PINANG)

MODUL BERFOKUS KBAT SPM

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
 2. *Jawab semua soalan.*
 3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Modul ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang ciri-ciri anak autisme dan usaha ibu bapa untuk membantu perkembangan mereka. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Hari Kesedaran Autisme Sedunia merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dalam memahami penghidap autisme yang disambut pada 2 April setiap tahun. Autisme ialah sejenis penyakit gangguan pertumbuhan tumbesaran seseorang kanak-kanak yang mengganggu perkembangan otak dalam jangka masa panjang yang memberikan kesan dalam pemikirannya. Kadar autisme dalam kalangan kanak-kanak adalah satu atau dua orang dalam 1000 dan empat kali ganda lebih kerap terjadi dalam kalangan kanak-kanak lelaki. Tanda awal autisme ialah pada usia enam bulan, bayi tersebut tidak mengukir senyuman dan tidak menunjukkan ekspresi gembira.

Oleh itu, ibu bapa perlu cakna jika mendapati bayi tidak mempunyai hubungan mata atau hubungan mata yang terhad apabila berlakunya proses interaksi. Walaupun tiada ubat untuk menyembuhkan anak autisme ini, mereka masih perlu dirawat dengan memfokuskan gejala yang berkaitan. Tanda lain autisme yang boleh dikenal pasti termasuklah perkembangan pertuturan yang lambat. Jika didapati anak telah berusia empat tahun tetapi tidak langsung boleh bertutur, segeralah bertemu doktor. Selain itu, anak istimewa ini juga cepat marah dengan perubahan kecil dalam rutin atau persekitarannya. Sebagai ibu bapa, janganlah hanya tahu menghukum tetapi carilah *pendekatan yang terbaik*.

Penghidap autisme tidak menghiraukan keadaan sekeliling malah tidak merasai kewujudan orang lain. Sebagai contoh, anak tersebut boleh duduk sendirian di suatu sudut dan kelihatan bahagia dengan kehidupannya sendiri. Sesetengah daripada mereka boleh mengamuk dan tidak boleh mengawal tekanan apabila sesuatu keinginannya tidak dipenuhi. Jadi, mereka perlu diberikan ruang untuk meredakan amuk tersebut kerana jika tidak ditangani dengan profesional boleh mengundang mudarat. Sesetengah daripada mereka mempunyai tindak balas luar biasa atau reaksi keterlaluan terhadap bunyi, cahaya, warna dan rasa. Misalnya mereka menjadi takut apabila mendengar bunyi yang kuat seperti mercun dan guruh.

Memiliki anak autisme merupakan tanggungjawab yang besar dan anugerah Tuhan yang tidak wajar dikesali. Tanda lain yang boleh diperhatikan termasuklah sering menunjukkan tingkah laku yang berulang seperti berpusing atau menggoyangkan badan tanpa sebab yang munasabah. Penyakit ini boleh terjadi kepada sesiapa sahaja tanpa mengira agama, bangsa atau kedudukan sosial. Punca autisme masih tidak diketahui namun terdapat beberapa sebab seperti usia ibu dan bapa yang meningkat atau berkahwin pada usia yang lewat. Seterusnya, faktor genetik apabila ibu atau bapa mempunyai sejarah autisme dalam keluarga. Komplikasi semasa proses kehamilan boleh mengganggu fungsi otak akibat jangkitan turut dikatakan penyebab kepada permasalahan ini.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Autisme Bukannya Kekurangan Tetapi Keistimewaan' oleh Syazanna Hadenan,
Dewan Siswa, April 2018

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *pendekatan yang terbaik*? [2 markah]
- (ii) Pengarang mengatakan bahawa terdapat beberapa punca yang dikenal pasti sebagai penyebab berlakunya autisme. Nyatakan punca-punca tersebut? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu kanak-kanak autisme? [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Tapi, dunia ini sudah berubah, bonda. Kita bukan lagi hidup pada zaman perjuangan menentang musuh penjajah. Sekarang kita hidup dalam dunia yang mengejar harta, pangkat dan kekayaan di bumi mewah ini. Tanah air ini bukan milik bangsa kita sahaja. Kita hidup dengan perkongsian hak dan identiti yang sama rata. Sejarah lama tidak perlu dibangkitkan lagi.” Bonda merenung mata saya dengan ekor pandangan yang penuh prejudis. Dihela nafas panjang-panjang menahan rasa sebelum bersuara, “Mel, sejarah bukan buta. Sejarah ialah guru yang tidak pernah berdusta. Bangsa yang membaca dan mengkaji sejarah silam tidak akan melakukan kesilapan kali kedua. Lihat bangsa Yahudi yang terus mencipta kejayaan besar dari zaman ke zaman kerana mengkaji sejarah lampau. Mereka membina agenda besar untuk bangsa dan keturunannya.”

Kata-kata bonda itu seolah-olah menikam tajam ke dalam urat-urat saraf saya. Saya pandang bonda sambil mengangguk sebelum kembali membelek helaian demi helaian kitab-kitab lama yang hampir lusuh dan tertanggal kulitnya.

Perkataan-perkataan yang tertulis dalam tulisan jawi lama itu masih mampu saya baca dan fahami walaupun agak perlahan.

Sejarah dan kisah bangsa saya pada zaman silam yang berjaya membina ketamadunan dunia cukup membanggakan saya. Saya selusuri bab demi bab dalam teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* dengan rasa besar hati.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsi dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan, apakah kata-kata Mel yang menyebabkan bonda memandang saya dengan pandangan yang penuh prejudis?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, selain wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), apakah kepentingan lain mempelajari mata pelajaran Sejarah?
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan dalam petikan dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen?
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, " Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu ? "

Maka kata Seri Nara Diraja, " Di mana kamu sekalian tahu ? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu. "

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihian seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, " Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara. "

Maka titah baginda, " Baiklah. "

Syahdan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya ; pertama Majapahit ; kedua Pasai ; ketiga ; Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Nyatakan sifat-sifat fizikal Seri Nara Diraja. [2 markah]
- (ii) Apakah yang terjadi antara Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja setelah Seri Nara Diraja bernikah dengan Tun Kudu? [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, apakah kesan kepada sesebuah negara jika para pemimpinnya tidak bersepakat? [3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SANG GEMBALA KUDA

Dia lelaki bergelar perkasa
dengan cemeti keberanian di tangan
rembat angkuhnya memacu takut
menghalau kuda-kuda di padang
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami yang terhidang
adalah kanun janji kesetiaan
dimamah rakus kala lapar
tak peduli nasib diri setelah kenyang
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa
sesekali suaranya lebih gempita
daripada ringkik kuda sekandang
pacuannya diiring seribu keberanian

meredah onak di rimba perburuan
meranduk lumpur di paya penindasan
sambil melibas cemeti durjana
dia melampar muslihat
aku penyelamat maruah
berjuang atas dasar kebenaran
menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda
hanya mengenal pantas tunggangan
tanpa membaca keletihannya
dia lelaki sang gembala kuda
hanya tahu mengejar kehebatan
tanpa menghitung kesakitannya
dan kuda-kuda itu ditunggangi
ditunggangi dan ditunggangi!

Mohd Hashim Othman, *Istimewa*, 2012
Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Siapakah 'aku' berdasarkan sajak tersebut? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah peranan pelbagai pihak untuk mengatasi penganiayaan terhadap haiwan? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak ini. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap rangkai kata di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) jam tangan
- (ii) beri laluan
- (iii) kereta sorong
- (iv) lintas hormat
- (v) cermin sisi
- (vi) kalis air

[6 markah]

(b) Tukarkan **ayat cakap ajuk** di bawah kepada **ayat cakap pindah** tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) “Jika kamu hendak ke Genting Highland, berhati-hatilah ketika memandu kerana jalan raya di situ bengkok-bengkok,” nasihat Malik kepada Farid.
- (ii) “Mari kita keluar makan tengah hari di Restoran Nasi Arab waktu rehat nanti,” kata Amirul kepada Asyikin.
- (iii) “Wah, banyak betul kotak yang awak kumpul petang ini!” kata Ramu kepada Vinod.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sempena perayaan Hari Guru pada tahun ini sebuah syarikat korporat telah diberikan kupon percuma sebagai tanda menghargai jasa guru-guru.
- (ii) Hujan yang turun tercurah-curah sejak pagi tadi menyebabkan kampung itu dilanda banjir sedalam dua meter.
- (iii) Beberapa orang pelajar balik awal kerana terlibat dengan rapthai acara pesembahan sempena Perayaan Hari Kebangsaan.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sesetengah orang berasa mewah apabila mereka membeli barangan yang berjenama tanpa memikirkan harga barangan itu sama ada berpatutan dan tidak.
- (ii) Ayah merancang berangkat ke kampung di hujung minggu ini kerana memenuhi jemputan majlis perkahwinan anak rakan baiknya.
- (iii) Peristiwa sebuah pesawat Air Asia yang terhumban di Laut Jawa telah dirakam oleh seorang saksi menggunakan digital kamera.

[6 markah]

(e) Nyatakan peribahasa yang sesuai bagi setiap ayat di bawah.

- (i) Ayah berusaha untuk menyelesaikan perselisihan faham rakan-rakannya itu dengan berhati-hati agar tidak seorang pun daripada mereka berkecil hati.
- (ii) Emak sukar membuat pilihan apabila melihat pelbagai warna dan corak fabrik ketika mengunjungi sebuah gedung pakaian yang terkenal di Kuala Lumpur.
- (iii) Setelah bekerja dan berjaya menjawat jawatan tinggi di Kuala Lumpur, dia jarang pulang ke kampung walaupun ibunya sedang sakit.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Md Nizar Parman

- (a) Latar tempat sangat penting dalam sesebuah novel.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, bincangkan **satu** kepincangan masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT